

23 JUL 1999

Razaleigh-Perubahan

SEMANGAT BARU RAKYAT KELANTAN MENARIK PERHATIAN MAHATHIR

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata perubahan yang berlaku di Kelantan akhir-akhir ini khususnya semangat rakyat yang inginkan perubahan telah menarik perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Perdana Menteri dan Presiden Umno itu melahirkan perasaannya berkaitan perkara itu kepada beliau pada akhir lawatan dua harinya ke negeri ini hari ini.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinannya bahawa perubahan yang ditunjukkan itu akan memberi masa depan yang lebih baik kepada rakyat dan negeri Kelantan, kata beliau.

"Kata Perdana Menteri, kalau kita menang sudah tentu macam-macam kemajuan boleh kita lakukan. Beliau rasa amat suka hati dengan perkembangan yang ada di Kelantan ini," kata beliau kepada pemberita ketika diminta mengulas hasil kunjungan Dr Mahathir itu.

Tengku Razaleigh berkata sikap orang ramai jelas menunjukkan mereka menyokong Perdana Menteri dan usaha kerajaan pusat membawa pembangunan ke Kelantan.

"Macam tadi, masa perjalanan ke lapangan terbang (untuk berlepas pulang). Orang ramai berhimpun di kaki lima kedai-kedai. Oleh kerana cermin (kereta) gelap, saya kata 'bukalah,' dan orang ramai melambai dan bertepuk tangan kepada beliau, beliau amat tertarik," katanya.

Beliau berkata berdasarkan kepada semangat rakyat itu, Perdana Menteri mengakui memang wujud perubahan di negeri ini sekarang.

Tengku Razaleigh juga berkata Dr Mahathir turut memberi jaminan kepadanya untuk sentiasa memberi kerjasama kepada setiap cadangan atau keputusan yang dibuat oleh Umno kelantan.

Ketika ditanya mengenai cadangan supaya beliau turut memegang jawatan Pengerusi BN Kelantan yang kini dipegang oleh Datuk Annuar Musa, beliau mengetepikan cadangan itu kerana baginya sudah cukup untuk menerajui Umno negeri.

Perdana Menteri ketika ditanya pada sesi dialog dengan pemimpin dan ketua jabatan Kelantan di sini malam tadi berhubung jawatan Pengerusi BN Kelantan, berkata jawatan itu akan terus disandang oleh Datuk Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Dr Mahathir berkata langkah itu bertujuan membolehkan semua pemimpin di Kelantan bekerjasama sesama sendiri.

-- BERNAMA

BD NMO